

Kristian juga kutuk Pope

Bimbang keganasan anti-Barat meningkat

NEW YORK: Pemimpin dunia Islam termasuk pemimpin Kristian serta akhbar utama Barat menuntut pemimpin tertinggi Kristian, Pope Benedict memohon maaf kepada umat Islam kerana ucapannya yang dianggap menghina agama itu.

Walaupun Pope semalam berkata, beliau kesal kerana ucapannya dianggap menghina Islam serta jaminan Vatican bahawa kenyataan itu sekadar menyerlahkan peri penting membezakan peperangan dengan agama, pemimpin Islam menganggap ucapan seperti itu tidak boleh dipandang ringan.

Kenyataan Pope itu dibimbangi akan mencetuskan atau meningkatkan lagi keganasan anti-Barat seperti yang berlaku selepas penyiaran karikatur menghina Nabi Muhammad, tahunlalu.

Malah, lima gereja di Tebing Barat diserang dengan bom molotov semalam dan Maghribi memanggil pulang dutanya ke Vatican sebagai membantah kenyataan Pope itu.

Akhbar perdana Amerika Syarikat *New York Times* dalam lidah pengarangnya semalam menganggap pemimpin Vatican itu perlu membuat permohonan maaf kerana ucapannya yang menghina Islam, termasuk me-

nuduh agama itu sebagai jahat dan tidak berperikemanusiaan.

Pemohonan maaf itu penting kerana ini bukan kali pertama Pope menghina Islam. Pada 2004 ketika menjadi pakar di Vatican, Pope membuat ulasan pedas dan membantah kemasukan Turki ke dalam Kesatuan Eropah (EU).

Ia disebabkan kedudukan Turki sebagai negara Islam yang disifatkan Pope jelas bercanggah dengan kepentingan Eropah.

"Sebagai seorang yang terlalu konservatif, kebimbangan utama Pope

adalah kehilangan identiti Katolik. Tetapi (kenyataannya) bukanlah cara terbaik bagi tujuan toleransi atau mengadakan dialog antara agama.

"Sehubungan itu dia perlu memohon maaf kerana dunia lazimnya mendengar apa juga yang diluahkan seorang pemimpin bergelar Pope. Amat tragik dan bahaya sekali apabila seseorang individu itu sebaliknya sama ada secara sengaja atau tidak berbuat demikian.

"Dia perlu membuat permohonan maaf yang benar-benar ikhlas dan membuktikan bagaimana perkataan yang boleh melukakan hati, juga mampu memulihkan keadaan," lapor *Times*.

Dalam ucapannya itu, Pope mengutuk Islam dan Nabi Muhammad dengan memetik kata-kata Raja Byzantine kurun ke-14 Manuel II Palaeologus yang pernah menulis apa yang dibawa nabi terakhir itu sebagai jahat dan tidak berperikemanusiaan.

Ia termasuk mendakwa Nabi Muhammad menyebarkan Islam secara kekerasan menggunakan pedang. Pope juga beberapa kali menggunakan perkataan perang jihad dan memetik Manuel sebagai berkata usaha penyebaran Islam secara keganasan adalah salah. - Reuters

